



Buletin KESATU

Transformasi Berkeadilan



World Cleanup Day 2018@IIUM

UIAM Jayakan Cleanup Day 2018.

GOMBAK - Bagi menyokong program World Cleanup Day 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengambil inisiatif bersama-sama warga universiti itu dengan mengadakan aktiviti gotong royong. Persiden Kesatuan Kakitangan Sokongan Satu UIAM (Kesatu), Hj. Mohd. Yazid Ahmad berkata, aktiviti yang dianjurkan Pejabat Rektor dan mendapat sokongan warga UIAM itu merupakan aktiviti yang memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar sejajar dengan visi World Cleanup Day yang dianjurkan secara global pada 15 September setiap tahun. Dalam program itu katanya, sebanyak 37 kilogram sampah termasuk yang boleh dikitar semula berjaya dikumpulkan oleh pihak Kesatu.



KESATU dibawah
Gabungan



CUEPACS :

Kongres Kesatuan
Pekerja-Pekerja Dalam
Perkhidmatan Awam
(CUEPACS).



Majlis Presiden Dan
Setiausaha Kehormat
Kesatuan Kakitangan
Universiti/IPTA
Malaysia (GAKUM)



Kesatuan Kakitangan
Sokongan Satu, International
Islamic University Malaysia
(KESATU)

Level 1, KICT Building

E-mail:

kesatu_iium@iium.edu.my

Website:

<http://www.iium.edu.my/sociey/>

kesatu-iium

<http://www.kesatuiium.blogspot.com>

com

Facebook:

www.facebook.com/kesatuiium

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Dan Pemilihan Pegawai bagi penggal kali ke Enam Sesi 2018-2020 -KESATU

Kesatuan Kakitangan Sokongan Satu, International Islamic University Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan dan Pemilihan pegawai bagi penggal kali ke- Enam sesi 2018-2020 20hb. September 2018 (Khamis) bersamaan 10 Muharram 1440H ,bertempat di Mini Auditorium(Central) UIAM. Pemilihan kali ini mengekalkan Hj. Mohd Yazid Bin Ahmad yang menang tanpa bertanding sebagai Presiden. Beliau telah menyandang jawatan ini selama dua penggal berturut-turut. Pemilihan juga telah dibuat untuk tujuh jawatan utama dan 10 ahli jawatan kuasa berlangsung dengan penuh harmoni ,bersemangat dan berwawasan jauh bagi menjaga kebajikan warga UIAM bagi kakitangan gred gaji 27 hingga 40. Pengiktirafan pada kaum wanita dapat dilihat dalam pemilihan kali ini, di mana 8 jawatan tertinggi dalam Kesatuan telah diisi oleh 5 kaum wanita. Puan Aznita binti Ahmad Zaini (Timbalan Presiden II) berkata, “peranan Kesatuan bukan sekadar mengumpul ahli dan menjalankan aktiviti sosial, malah ia adalah satu badan yang bertanggungjawab untuk membela ahlinya serta memastikan hubungan baik antara Kesatuan dan majikan agar UIAM terus diurus tadbir dengan baik”. Sebagai salah satu badan penting dalam struktur UIAM, KESATU akan sentiasa memastikan UIAM sihat dalam semua aspek perjalanannya.



Senarai MJK KESATU Sesi 2018-2020

Presiden - Hj Mohd Yazid Ahmad
 Timb. Presiden I - Hj Khalid Muhammad
 Timb. Presiden II - Aznita Ahmad Zaini
 Setiausaha - Ahmad Suhairi Mat Jebah
 Pen. Setiausaha I - Erdawatie Abd Rahman
 Pen. Setiausaha II - Norshamriza Abd Razak
 Bendahari - Noor Asma Abd Aziz
 Pen. Bendahari - Salmah Yahya
AJK

1. Azam Fauzi Mohd Said
2. Md Zamri Sarji
3. Fakhrurrazi Danial
4. Mohd Shukur Ahmad
5. Yusni Yusop
6. Salmah Md Shah
7. Zakaria Mohd Zain
8. Tarmizi Abdul Rani
9. Hasmaniza Mohd Daud
10. Mohd Hamri Rahmat

Majlis perasmian pergabungan KESATU dibawah CUEPACS dan Sambutan Hari Raya KESATU 2018

3hb. Julai 2018, Dewan Siti Zabedah ,Kompleks Azman Hashim, IIUM, Majlis perasmian pergabungan KESATU dibawah CUEPACS dan Sambutan Hari Raya KESATU 2018 berlangsung dengan penuh ceria dan harmonis , turut serta menyaksikan dan memeriahkan majlis ialah YB Tuan Haji Ismail Ahmad, Exco & Adun Labu N. Sembilan. Untuk makluman YB Tuan Haji Ismail Ahmad merupakan abang kepada Presiden KESATU.

CUEPACS pula diwakili oleh Tuan Haji Mohd Shaman Jaes (Timb. Presiden 1 CUEPACS), saudara Zainal Ismail (Timb. Presiden II CUEPACS), Saudara Abdul Rahman Haji Mohd Nordin (Timb. Setiausaha Agung 1 CUEPACS) dan Mohd Razali Singh (Timb. Setiausaha Kewangan CUEPACS).